

Headline	Hati-hati semasa berbekam		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	15	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	275 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,391
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,173



# Hati-hati semasa berbekam

Oleh **KHAIRI MOHAMAD**  
khairi.mohamad@kosmo.com.my

**KOTA BHARU** – Orang ramai dinasihatkan supaya lebih berhati-hati menggunakan khidmat bekam pengamal perubatan alternatif bagi mengelak risiko penyakit berjangkit termasuk HIV dan AIDS.

Pensyarah Jabatan Perubatan Masyarakat, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Prof. Dr. Ab. Aziz Al-Safi Ismail (**gambar kecil**) berkata, peralatan seperti jarum yang digunakan dalam rawatan tersebut boleh mengundang jangkitan pelbagai penyakit berbahaya.

Menurut beliau, ia berikutan peralatan yang digunakan oleh pembekam tidak diketahui tahap kebersihannya malah ada yang menggunakan jarum sama berulang kali.

“Di mana-mana sahaja ada perkhidmatan berbekam pada masa sekarang tetapi kita harus bijak memilih, kerana jarum, pisau atau cawan yang digunakan apabila terkena darah pembawa pelbagai penyakit dan jika ia digunakan semula, penyakit itu boleh tersebar kepada orang lain.

“Saya harap pengamal perubatan alternatif ini supaya lebih bertanggungjawab dan memastikan peralatan yang digunakan benar-benar bersih supaya penyakit tidak disebarkan kepada orang lain,” katanya ketika ditemui semalam.

Ab. Aziz berkata, beliau kini mengetuai lima pakar daripada universiti tersebut yang sedang menjalankan kajian secara saintifik mengenai kebaikan berbekam mengikut kaedah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.

Katanya, kajian itu bermula awal bulan ini dan mengambil masa dua tahun untuk disiapkan sepenuhnya melibatkan 90 individu yang akan berbekam setiap empat bulan sekali dalam tempoh tersebut.

“Mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan, pertama, 30 individu yang sihat, kedua, 30 individu penghidap diabetes dan 30 lagi penghidap darah tinggi.

“Kita juga memilih 30 individu yang sihat tetapi tidak melakukan bekam untuk dibandingkan dengan ketiga-tiga kumpulan terbabit untuk mendapatkan keputusan amalan berbekam ini,” ujarnya.

Jelasnya, keputusan pertama akan diketahui pada April ini tetapi pihaknya akan terus memantau sehingga kajian yang ditaja Kementerian Pengajian Tinggi itu berakhir

dalam tempoh dua tahun.  
“Berkam mempunyai banyak

teknik, sebagai contoh, masyarakat Cina menggunakan kaedah akupunktur. Kali ini kita menjalankan kajian berbekam mengikut kaedah yang diamalkan oleh Rasulullah sejak lebih seribu tahun lalu bagi mendapatkan keputusan secara saintifik,” jelasnya.

## INFO Bekam

- Merupakan proses membuang darah kotor atau dipanggil detoksifikasi (pengeluaran toksid) dari dalam tubuh melalui permukaan kulit.
- Terdapat 2 jenis bekam iaitu bekam angin (kering) dan bekam darah (basah).
- Bekam angin adalah tanpa pengeluaran darah kotor tetapi angin dan air sahaja.
- Bekam darah melibatkan torehan yang menyebabkan darah kotor, air dan angin keluar dari permukaan kulit.
- Antara penyakit yang didakwa boleh dirawat seperti migrain, sakit kepala, darah tinggi, gout, alergi, kencing manis, sakit badan dan sakit saraf.



SEORANG peserta kajian menjalani rawatan bekam yang dilakukan oleh Pusat Pengajian Sains Perubatan, USM Kubang Kerian di Kota Bharu semalam.